

**PENGETAHUAN DAN PENGAMALAN NILAI PATRIOTISME  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT PERIBUMI DI SABAH  
*KNOWLEDGE AND PRACTICE OF PATRIOTISM AMONG  
NATIVE PEOPLE IN SABAH***

MOHD RAHIMI RAMLI<sup>1</sup> MOHD SYARIEFUDIN ABDULLAH<sup>2</sup>  
ABDUL HADI SAMSI<sup>3</sup> MUHAMMAD SHAMSHINOR ABDUL AZZIS<sup>4</sup>

<sup>1&4</sup>Pusat Latihan Intern & Pengayaan Akademik (CITra), Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
35900 Tanjung Malim, Perak

<sup>3</sup>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor  
*rahimiramli44@gmail.com*

*Tarikh dihantar: 25 Ogos 2020 / Tarikh diterima: 30 September 2020*

**ABSTRAK** Pembinaan negara bangsa menjadi sukar tanpa melibatkan perkongsian nilai patriotisme dalam masyarakat berbilang budaya dan agama seperti di Malaysia. Nilai patriotisme yang dikongsi bersama tanpa membezakan identiti etnik dan agama sebagai asas persamaan pasti mampu membentuk kelompok masyarakat yang lebih baik. Oleh itu, artikel ini memberi tumpuan orientasi pengetahuan dan pengamalan terhadap nilai patriotisme sebagai suatu identiti warganegara Malaysia dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah. Nilai patriotisme dalam kajian ini berasaskan enam nilai, iaitu kesetiaan, pengorbanan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif. Domain pengetahuan ini adalah berdasarkan kepada lima skala Likert dan domain pengamalan berdasarkan kepada lima skala frekuensi. Skor dapatan kedua-dua bahagian ini dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kajian ini pula melibatkan 500 responden yang terdiri daripada tiga etnik di Sabah, iaitu etnik Kadazandusun, Bajau dan Murut. Kajian ini adalah berasaskan pendekatan kajian kuantitatif dan menggunakan kaedah persampelan *Probability Proportional to Size* (PPS). Data kajian ini diperolehi melalui pendedaran borang soal selidik kepada responden di beberapa daerah terpilih di negeri Sabah. Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif. Analisis deskriptif ini digunakan untuk mengenal pasti jumlah dan peratusan skor bagi domain pengetahuan dan pengamalan. Hasil kajian ini mendapati tahap pengetahuan dan pengamalan responden terhadap nilai patriotisme adalah tinggi. Maka, dapat dirumuskan bahawa masyarakat di Sabah adalah masyarakat patriotik kerana orientasi dan pengamalan mereka terhadap nilai patriotik adalah sangat baik.

**Kata kunci:** Patriotisme, orientasi, identiti, negara-bangsa, peribumi, Sabah.

**ABSTRACT** *Developing a nation is an intricacy procedure without the involvement of patriotism amongst people with different races and religions like Malaysia. With this, the spirit of patriotism that is being shared regardless of our backgrounds including our ethnicity and religion as a foundation of equality will produce a better society in our country. Hence, it is reasonable for us to focus on knowledge and experience orientation towards patriotism as a whole Malaysian identity. There are six basis of patriotism in this study including loyalty, sacrifices, pride, togetherness, discipline, hardwork and productivity. The domain for this knowledge is based on five Likert scale and the domain for experience is based on five frequency scale. The findings for both sections are divided into three levels, which are high, medium and low. This research consists of 500 respondents from three different ethnic groups in Sabah, which are Kadazandusun, Bajau and Murut. This research uses quantitative research approach and uses Probability Proportional to Size (PPS) sample method. All data from this research are taken through the evaluation given to the respondents in several chosen districts in Sabah. The findings of this research are descriptively analysed. The descriptive analysis is used to analyse the amount and percentage score for both knowledge and practice domains. This research found that the level of knowledge and practice amongst the respondents towards patriotism value is high. Therefore, we can conclude that the community in Sabah is a patriotic community because their practice and knowledge towards patriotism is outstanding.*

**Keywords:** *Patriotism, orientation, identity, nation-state, native, Sabah.*

## PENGENALAN

Artikel ini bertujuan mengupas nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat Sabah. Nilai patriotisme ini diukur berdasarkan pengetahuan dan pengamalan responden yang terpilih. Konsep patriotisme dalam artikel ini masih merujuk kepada perasaan cinta akan negara (Druckman, 1994; Hand, 2011; Huntington, 2008; Muller, 2006 & 2007, Primoratz & Pavkovic, 2007). Ciri cinta kepada negara pula adalah berdasarkan enam nilai, iaitu kebanggaan,

kesetiaan, pengorbanan, kekitaan, berdisiplin, serta berusaha dan produktif (Berns, 1997; Druckman, 1994; Nazri Muslim & Jamsari Alias, 2004; Tuan Pah Rokiah *et al.*, 2016). Patriotisme ini menggambarkan perasaan dan tindakan setiap warganegara terhadap perkara yang bersangkutan dengan negara. Nilai patriotisme yang dikongsikan bersama oleh setiap warganegara tanpa melibatkan sempadan perbezaan etnik, agama dan kenegerian membolehkan usaha untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu padu menjadi lebih mudah.

Namun patriotisme hari ini berbeza kerana pengorbanan pada era pascakemerdekaan warganegara tidak lagi dituntut untuk berkorban di medan peperangan tetapi pengorbanan membantu negara dalam segala hal yang menuntut penglibatan wargenegara. Dalam hal ini, ciri patriotisme yang bersifat membangunkan negara perlu ditanam dalam diri masyarakat terutama generasi baharu sebagai acuan membina bangsa Malaysia. Malah, masyarakat perlu sedar bahawa tanggungjawab kepada negara dalam segala hal adalah tanggungjawab bersama. Tanpa penglibatan atau penyertaan daripada mereka, hala tuju negara akan hanya ditentukan oleh segolongan kumpulan sahaja. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat wajar mempunyai pengetahuan tentang asas yang berkaitan dengan negara.

Dalam konteks ini, Druckman (1994), Curti (1946) dan Berns (1997) telah menegaskan patriotisme perlu diterjemahkan kepada tingkah laku sebagai manifestasi kerana patriotisme adalah sejenis emosi dan pemikiran yang diterjemahkan kepada tingkah laku dan merangkumi keseluruhan kehidupan. Emosi, pemikiran dan tingkah laku ini adalah berasaskan reaksi hubungan yang kompleks antara individu dan sistem nilai sesebuah negara. Hubungan yang terjalin ini terbentuk melalui proses sejarah sosial yang dibangunkan dan disatukan dalam proses sejarah pembentukan masyarakat yang sama. Menerusi pembentukan ini, pemikiran dan perasaan cinta serta sayang kepada tanah air wujud secara tidak langsung dalam kumpulan tersebut.

Namun begitu, generasi baharu yang terdedah dengan pelbagai media sosial mulai mengalami cabaran hakisan semangat patriotisme. Jika keadaan ini berlaku, usaha untuk merealisasikan pembinaan bangsa Malaysia menjelang tahun 2030 akan menjadi sedikit sukar. Hal ini demikian kerana

generasi baharu seperti golongan belia penting dalam kelangsungan sesebuah negara (Dollah *et al.*, 2018). Tambahan pula, bentuk manifestasi patriotisme sering berubah mengikut peredaran zaman, tempat, keadaan dan pandangan sarjana (Khoo Kay Kim, 2005; Saifuddin Abdullah, 2005; Huntington, 2008). Walaupun patriotisme sememangnya digambarkan sebagai nilai positif, terdapat juga golongan tertentu memberi pengertian bertentangan dengan alasan masing-masing (Ku Hasnita Ku Samsu, 2014). Malah, generasi muda juga berkemungkinan mempunyai cara tersendiri untuk mengekspresikan nilai patriotisme (Lee Kuok Tiung, 2016). Oleh itu, sebarang tindakan bertentangan dengan Perlembagaan dan prinsip Rukun Negara perlu dianggap sebagai tidak patriotik. Hal ini disebabkan salah satu ciri patriotisme adalah merujuk kepada tindakan yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan dan prinsip Rukun Negara (Sivamurugan Pandian & Ronald Kiandee, 2016) serta kesetiaan bukan sahaja kepada wilayah tetapi juga kepada sistem politik sesebuah negara (Huntington, 2008).

Selain itu, nilai yang terdapat dalam diri seseorang individu turut berbeza disebabkan perbezaan latar belakang (Huntington, 2008). Dengan keadaan masyarakat di Sabah yang terdiri daripada berbilang etnik ini sudah pasti cabarannya berbeza. Jika tanggapan mereka terhadap nilai patriotik ini dilihat bercanggah dengan budaya mereka, nilai tersebut sukar untuk diamalkan. Oleh itu, kepelbagaian masyarakat dalam aspek etnik, agama dan sejarah ini penting untuk dikaji kerana pengaruhnya tidak boleh dinafikan.

Nilai patriotisme dalam kajian ini diukur bermula dari proses mental, iaitu dimensi orientasi politik sehingga tingkah laku seseorang individu. Sesuatu nilai yang disalurkan diorientasikan dalam proses mental mereka, iaitu kognitif, afektif dan penilaian. Apabila penilaian seseorang individu tersebut positif, maka tingkah laku yang diterjemahkan seiring dengan penilaian mereka. Namun, dalam konteks kajian ini, hanya dimensi kognitif, iaitu dimensi pengetahuan sahaja digunakan sebagai proses mental.

## **KONSEP DAN NILAI PATRIOTISME**

Konsep patriotisme bukanlah suatu konsep yang baharu malah sering dibincangkan dalam pelbagai bidang. Bagi Primoratz dan Pavkovic (2007), konsep patriotisme ini sebenarnya merupakan idea dalam bidang politik, iaitu sejak Rom Purba lagi. Namun pada abad ke-19, wacana patriotik mula membincangkan dalam aspek yang lebih luas termasuk perbincangan negara bangsa oleh pengkaji nasionalisme. Secara umum konsep patriotisme dirujuk sebagai perasaan cinta terhadap tanah air (Nathanson, 1989, 1993; Primoratz & Pavkovic, 2007; Keller, 2007; Berns, 1997; Wang & Jia, 2015). Daripada definisi tersebut, konsep patriotisme dikaitkan dengan perasaan dan tingkah laku. Ikatan perasaan seseorang individu atau kumpulan terhadap sesebuah negara diterjemahkan melalui perasaan bangga dan cinta akan negara di samping bersedia untuk berkorban apa-apa sahaja bagi kepentingan negara (Curti, 1946 dan Berns, 1997).

Sementara itu, patriotisme ini turut memberi aspirasi kepada ketaatan dan kesediaan kepada warganegara untuk berkorban (Macedo, 2011). Namun, pengorbanan yang dimaksudkan sebagai nilai patriotisme bukan hanya merujuk kepada pengorbanan di medan peperangan sahaja, tetapi pengorbanan dengan meletakkan keutamaan kepentingan negara berbanding kepentingan lain. Sementara itu, kebanggaan bukanlah semata-mata berlegar dalam hati tetapi memerlukan suatu tindakan yang mencerminkan perasaan bangga tersebut. Namun, perasaan bangga dan kesediaan untuk berkorban tidak cukup untuk menunjukkan perasaan cinta terhadap negara tanpa mengambil kira aspek kesetiaan terhadap negara dan bangsa sebagai ikatan perasaan (Doob, 1964). Druckman (1994) turut menambah bahawa kesetiaan kepada negara perlu diterjemahkan dengan kognitif, afektif dan tindakan kolektif yang memperlihatkan taat setia kepada negara serta mempunyai perasaan positif sesama warganegara. Oleh itu, patriotisme ini bukan sahaja terhad kepada hubungan seseorang individu atau kumpulan terhadap negara tetapi turut melibatkan hubungan antara rakan senegara.

Selain itu, konsep patriotisme juga dirujuk sebagai aspek perasaan dan kognitif terhadap sesuatu sasaran seperti identiti negara atau perkara yang bersangkutan dengan negara. Oleh itu, patriotisme tidak boleh dilihat semata-

mata kepada tokoh pahlawan atau wira sahaja tetapi tokoh lain seperti penulis dan guru juga tidak kurang penting dan turut mempunyai peranan besar dalam menyedarkan masyarakat terhadap patriotisme. Maka, manifestasi patriotisme tidak terbatas kepada penyertaan badan beruniform sahaja sebagai indikator patriotisme tetapi aspek tingkah laku lain yang memperlihatkan pengamalan berasaskan nilai-nilai patriotisme seperti berbangga, taat setia dan berdisiplin (Mohd Taib Osman, 2004). Dalam hal ini, kajian Aziz Ujang *et al.* (2014) mendapati majoriti responden yang dikaji berada pada tahap yang rendah, manakala Hasnah Hussiin *et al.* (2009), yang menyatakan generasi masa kini alpa dan terlupa dengan kesusahan generasi masa lalu kerana mereka tidak menghayati erti kemerdekaan, tidak memahami semangat patriotisme dan semangat cintakan bangsa dan negara. Malah, perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan yang kurang mempunyai semangat patriotik dalam diri mereka (Ahmad Shah Pakeer Mohamed, 2013).

Sementara itu, Haminah Suhaibo (2007) mendapati sebahagian responden dalam kajiannya memahami sebahagian unsur-unsur patriotisme, kecuali aspek lambang negara, peka terhadap masalah dan isu bangsa dan negara, muhibah, serta mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan negara. Walau bagaimanapun dalam aspek pengamalan nilai, pelajar kurang mengamalkan nilai ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin, taat dan setia kepada pemimpin, taat dan setia kepada raja, sebahagian besar unsur disiplin, serta menyokong dan melibatkan diri dalam pembangunan negara. Justeru, keadaan ini memperlihatkan wujud ketidakupayaan pelajar menterjemahkan perkara yang telah difahami berkaitan patriotisme melalui pengamalan sebagai manifestasi patriotisme. Oleh itu, patriotisme yang merupakan satu elemen penting dalam pembinaan negara bangsa perlu ditangani dengan segera agar generasi baharu diangkat sebagai pemimpin bukanlah dalam kalangan warganegara yang tidak patriotik.

Mohmad Noor Mohamad Taib (2006), telah menggunakan tiga nilai patriotisme, iaitu bangga negara, setia negara dan hormat simbol negara sebagai indikator patriotisme dalam kajiannya di tiga buah sekolah menengah dalam satu daerah di Johor yang melibatkan 355 orang pelajar sebagai sampel. Dapatan kajiannya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian patriotisme berasaskan kumpulan yang diberi intensif pengajaran

sejarah di sekolah mengikut tiga kategori (pengajaran berdasarkan sumber selain buku teks, sumber buku teks dan kumpulan kawalan) dan kumpulan jantina. Namun, perbezaan berasaskan kepada kumpulan etnik tidak mempunyai perbezaan yang signifikan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa latar belakang etnik bukanlah penentu kepada tahap patriotisme seseorang individu, tetapi faktor lain seperti orientasi seseorang individu dan jantina turut mempengaruhi nilai patriotisme dalam diri mereka.

Seterusnya Rosin Pinggaton@Panggaton (2006), melalui kajiannya tentang kefahaman patriotisme dan tahap persepsi amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Marudu, Sabah telah melibatkan 163 pelajar tingkatan 4 di lima buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu sebagai sampel. Lima elemen nilai patriotisme telah digunakan dalam kajiannya, iaitu nilai kebanggaan, kesetiaan, kekitaan, berdisiplin serta berusaha dan produktif. Dapatan kajiannya telah mendapati bahawa responden kajian mempunyai tahap kefahaman dan tahap amalan patriotisme yang tinggi. Di samping itu, hasil analisis korelasi mendapati hubungan positif dengan kaitan rendah dan sederhana kuat antara amalan patriotisme dengan tahap kefahaman. Malah, unsur yang paling mempengaruhi amalan patriotisme adalah semangat kekitaan. Dengan penggunaan lima nilai dalam pengukuran kajiannya memperlihatkan penilaiannya selari dengan nilai-nilai yang dipupuk dalam kurikulum sekolah. Selain itu, kajian Gill *et al.* (2016) tentang kesedaran nilai patriotisme masyarakat multi-etnik di Sabah mendapati majoriti responden kajian mempunyai kesedaran yang tinggi, iaitu 63 peratus berada pada tahap tinggi. Keadaan ini memperlihatkan masyarakat di Sabah adalah masyarakat yang patriotik dari sudut pemikirannya. Namun, patriotisme tidak terbatas dengan pemikiran dan perasaan semata-mata tetapi perlu dipraktikkan. Oleh itu, makalah ini adalah kesinambungan daripada kajian kesedaran patriotisme oleh Gill *et al.* (2016). Secara umum, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan belia terhadap nilai patriotisme di Sabah.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif berdasarkan kajian tinjauan digunakan dengan mengumpul data melalui penggunaan soal selidik. Kajian ini menggunakan *Probability Proportional to Size* (PPS) sebagai teknik persampahan. Sampel kajian ini terdiri daripada 500 responden yang dipilih dari daerah terpilih di negeri Sabah. Tiga etnik telah ditentukan dalam kajian ini, iaitu Kadazandusun, Bajau dan Murut. Instrumen kajian patriotisme ini adalah berasaskan enam nilai patriotisme, iaitu kesetiaan, pengorbanan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif yang diukur melalui pengetahuan sebagai salah satu dimensi orientasi politik dan pengamalan sebagai manifestasi tingkah laku. Domain pengetahuan ini adalah berdasarkan 5 skala Likert dan domain pengamalan berdasarkan 5 skala frekuensi. Skor dapatan kedua-dua bahagian ini dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Setiap nilai yang digunakan akan disesuaikan dengan objek politik atau identiti negara yang dipilih bersesuaian dengan identiti Malaysia dan mengambil maklum dari kajian lepas serta pandangan sarjana yang berkaitan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur dibahagikan kepada lima peringkat, iaitu 30.8 peratus yang berumur bawah 25 tahun, 36.2 peratus responden pula terdiri antara 26 hingga 35 tahun, manakala responden yang berumur di antara 36 hingga 45 tahun menyumbang sebanyak 18.8 peratus. Responden yang terdiri daripada umur 46 hingga 55 tahun dan 56 hingga 65 tahun masing-masing terdiri daripada 11.6 peratus dan 2.6 peratus. Selain itu, taburan jantina pula, majoriti responden terdiri daripada responden perempuan, iaitu 59.6 peratus dan diikuti 40.4 peratus responden lelaki. Taburan dari segi etnik secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah Kadazan-Dusun-Murut yang menyumbang sebanyak 41.8 peratus responden. Sementara itu, etnik Bajau merupakan etnik kedua terbesar selepas etnik Kadazan-Dusun-Murut terdiri daripada 39.2 peratus terpilih sebagai sampel kajian. Responden daripada etnik Murut pula menyumbang sebanyak 19.0 peratus terhadap sampel kajian.



**Jadual 1** Taburan keseluruhan demografi responden kajian patriotisme di Sabah

<b>Item</b>	<b>(n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Umur</b>		
< 25	154	30.8
26 – 35	181	36.2
36 – 45	94	18.8
46 – 55	58	11.6
56 – 65	13	2.6
<b>Jantina</b>		
Lelaki	202	40.4
Perempuan	298	59.6
<b>Etnik</b>		
Kadazandusun	209	41.8
Bajau	196	39.2
Murut	95	19.0

### **Tahap Pengetahuan dan Nilai Patriotisme**

Berdasarkan Jadual 2, sebahagian besar mempunyai skor pengetahuan tinggi, iaitu 77.8 peratus responden. Sementara itu, skor sederhana adalah sebanyak 18.8 peratus responden, manakala skor rendah adalah sebanyak 3.4 peratus sahaja. Keadaan ini memperlihatkan bahawa masyarakat di Sabah berpengetahuan tinggi terhadap nilai patriotisme. Mereka mengetahui dan bersetuju dengan setiap nilai yang diajukan kepada mereka.

**Jadual 2** Tahap pengetahuan nilai patriotisme masyarakat di Sabah

<b>Item</b>	<b>n</b>	<b>Peratus (%)</b>
Tinggi	389	77.8
Sederhana	94	18.8
Rendah	17	3.4
Jumlah	500	100.0

### **Tahap Pengetahuan bagi Perincian Nilai Patriotisme**

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian tentang skor pengetahuan responden terhadap patriotisme bagi nilai kebanggaan menunjukkan sebanyak 44.8 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. 42.2 peratus responden

pula mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dan 13.0 peratus responden lagi mempunyai tahap yang rendah. Nilai kebanggaan dalam bahagian ini merujuk kepada perasaan bangga terhadap simbol negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara, Lagu Negaraku dan institusi beraja.

Dapatan ini juga telah membuktikan bahawa pengetahuan terhadap nilai kebanggaan adalah pada tahap yang baik sahaja kerana peratusan responden pada tahap sederhana tidak banyak berbeza dengan peratusan pada tahap tinggi. Dengan ini, dapat dirumuskan di sini bahawa sebahagian besar mereka memahami tentang bentuk perasaan yang sewajarnya bagi seorang warganegara terhadap simbol utama negara seperti bendera Jalur Gemilang, Jata Negara, Lagu Negaraku dan institusi beraja. Namun apabila diteliti daripada dapatan ini, simbol yang paling tidak dibanggakan adalah institusi beraja. Justeru, persoalannya adakah tahap kebanggaan yang rendah terhadap institusi beraja ini disebabkan sebahagian masyarakat di Sabah melihat institusi beraja sebagai simbol bagi masyarakat di Semenanjung Malaysia sahaja? Jika ini adalah jawapan sebenar yang mendasari dapatan seperti ini, sudah pasti perkara ini adalah sesuatu yang membimbangkan dan perlu diatasi segera.

Bagi pengetahuan responden terhadap patriotisme bagi nilai kekitaan menunjukkan hasil kajian sebanyak 43.6 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, manakala 48.6 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dan 7.8 peratus responden mendapat skor yang rendah. Nilai kekitaan ini merujuk kepada berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan, menghormati penganut setiap agama, bertolak ansur dengan setiap warganegara Malaysia dan mendukung prinsip Rukun Negara sebagai ideologi untuk memupuk perpaduan di Malaysia. Penggunaan Rukun Negara ini sebagai alat penyatuan atau pegangan yang sama adalah kerana Rukun Negara merupakan suatu ideologi kebangsaan, satu susunan prinsip-prinsip hidup bermasyarakat yang mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial yang meliputi semua aspek kehidupan bernegara seperti keagamaan, kebudayaan, ekonomi, politik dan perundangan (Zahid Emby, 2003). Oleh itu, dapatan nilai kekitaan yang memperlihatkan peratusan responden pada tahap sederhana lebih banyak berbanding responden pada tahap tinggi membuktikan bahawa nilai kekitaan masih perlu diperbaiki dan dipupuk dalam kalangan masyarakat di Sabah khususnya.

Di samping itu, tahap pengetahuan responden terhadap nilai patriotisme bagi nilai berdisiplin menunjukkan hasil kajian sebanyak 60.0 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan 33.2 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana, manakala 6.8 peratus responden lagi mendapat skor yang rendah. Nilai berdisiplin yang dijadikan sebagai salah satu elemen nilai patriotisme dalam kajian ini ialah menyanjung Perlembagaan Negara, mematuhi kedaulatan undang-undang negara, bersifat amanah dan jujur serta berlaku adil dan jujur dalam kehidupan harian. Keadaan ini adalah lebih baik berbanding nilai sebelum ini kerana dapatan mendapati lebih daripada separuh responden mendapat skor yang tinggi. Walaupun sebahagian daripada mereka masih ada yang kurang berbangga dan kurang mengetahui nilai kekitaan dengan baik, mereka masih mengetahui tanggungjawab untuk mematuhi setiap tuntutan undang-undang dan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia. Sungguhpun pengetahuan nilai disiplin yang baik, tingkah laku setiap anggota masyarakat dalam mematuhi undang-undang tidak dapat dipastikan lagi kerana bahagian ini hanya melibatkan proses orientasi mental sahaja. Dapatan sebenar tingkah laku akan diperincikan pada bahagian pengamalan responden.

Sementara itu, tahap pengetahuan responden terhadap nilai patriotisme bagi nilai berusaha dan produktif menunjukkan hasil kajian sebanyak 71.6 peratus yang berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. Selain itu, 21.4 peratus lagi berada pada tahap pengetahuan yang sederhana, manakala 7.0 peratus responden mendapat skor yang rendah. Nilai berusaha dan produktif ini merujuk kepada penglibatan dalam aktiviti pembangunan negara, hidup berdikari dan berusaha membangunkan negara. Nilai berusaha dan produktif ini perlu difahami sebagai satu nilai patriotisme kerana tanpa pengetahuan tersebut, seseorang patriot tidak akan berusaha untuk membangunkan negara kerana anggapannya membangunkan negara adalah tugas pemerintah sahaja. Hal ini amat diperlukan supaya semangat patriotisme yang disemai bukan sahaja memfokuskan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara, tetapi menjadikan rakyat lebih produktif menyumbang kepada pembangunan negara (Ruslan *et al.*, 2005).

Seterusnya, tahap pengetahuan responden terhadap patriotisme bagi nilai kesetiaan menunjukkan hasil kajian sebanyak 55.4 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. 34.0 peratus mempunyai tahap pengetahuan

yang sederhana dan 10.6 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Nilai kesetiaan merujuk kepada mempertahankan negara dan tidak meninggalkan negara sekiranya negara diserang musuh dan memberi taat setia kepada Yang Dipertuan Agong. Namun, keadaan ini masih memperlihatkan responden memahami kewajipan mereka sebagai rakyat Malaysia. Bagaimanapun, kurangnya skor yang tinggi ini adalah disebabkan pernyataan “taat setia kepada Yang Dipertuan Agong” dan hal ini secara konsisten memperlihatkan bahawa sebahagian masyarakat di Sabah bermasalah dengan simbol negara, iaitu institusi beraja yang berkemungkinan dikaitkan dengan ‘identiti Semenanjung’. Walau bagaimanapun, keseluruhannya pengetahuan terhadap nilai kesetiaan ini berada pada tahap yang baik.

Bagi pengetahuan responden terhadap nilai pengorbanan menunjukkan hasil kajian sebanyak 35.2 peratus berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. 44.2 peratus pula mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dan 20.6 peratus mempunyai tahap pengetahuan yang rendah. Nilai pengorbanan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah tentang kesediaan individu untuk berkorban mempertahankan keselamatan negara, mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan diri, keluarga dan etnik. Dapatan ini konsisten dengan persoalan yang diwujudkan oleh pengkaji dalam pernyataan masalah berkaitan dengan peristiwa segelintir masyarakat di Sabah memberi kerjasama kepada musuh negara dalam peristiwa pencerobohan di Sabah. Hal ini demikian kerana segelintir daripada mereka mengutamakan hubungan kekeluargaan sehingga mencabar kedaulatan negara. Namun, dapatan ini hanya cerminan kepada proses orientasi mental dan perolehan gabungan data pada bahagian persepsi, kesedaran dan pengamalan amat diperlukan untuk melengkapkan proses orientasi dan tingkah laku bagi mengukur identiti sebenar masyarakat di Sabah.

Justeru, keseluruhan dapatan kajian ini mendapati pengetahuan terhadap nilai patriotisme berada pada tahap yang tinggi atau sekadar baik sahaja. Hal ini disebabkan tidak sampai 50 peratus responden yang mendapat skor tinggi pada 3 nilai patriotisme, iaitu nilai kebanggaan, kekitaan dan pengorbanan. Tambahan pula, analisis nilai min bagi setiap pengetahuan terhadap nilai, didapati hanya dua nilai, iaitu nilai berusaha dan berdisiplin sahaja berada pada tahap tinggi. Empat nilai lagi berada pada tahap sederhana

sahaja. Oleh itu, persoalan pengetahuan terutamanya terhadap simbol politik, iaitu institusi beraja membangkitkan persoalan adakah pengetahuan mereka terhadap simbol politik yang mengikat nilai patriotisme ini terbatas kepada simbol politik kenegerian mereka semata-mata?

Dapatan ini jelas memperlihatkan unsur objek politik mempengaruhi pemikiran seseorang individu. Apabila seseorang memahami bahawa sesuatu objek politik itu tidak berkaitan dengannya, maka mereka berpendapat bahawa objek tersebut tidak penting dalam penentuan ciri seorang patriotik. Bukan persoalan pengetahuan kepada nilai yang berbangkit tetapi kepercayaan atau perasaan kekitaan mereka kepada objek politik tersebut lebih mendominasi kerana dapatan nilai berubah mengikut arah objek yang dipadankan terhadap nilai patriotisme. Penemuan ini bertepatan dengan teori orientasi politik yang digunakan oleh Welch (2013) kerana nilai seseorang individu turut dipengaruhi oleh kepercayaan kepada sesuatu objek. Kepercayaan yang terbentuk dalam diri mereka mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan sejarah negara dalam diri mereka. Walaupun kajian ini tidak dapat dibuktikan tentang pengetahuan sejarah, kajian Wan Hasni *et al.* (2013) telah membuktikan dalam kajiannya bahawa masih ramai pelajar sekolah kurang berpengetahuan tentang sejarah tanah air, pengetahuan tentang budaya etnik lain yang terhad dan tidak mempunyai semangat perpaduan yang diharapkan.

Oleh itu, keadaan ini perlu diberi perhatian dengan memikirkan cara untuk memupuk segelintir masyarakat di Sabah memahami objek politik yang lebih menyeluruh, iaitu bercirikan sistem politik Malaysia. Hal ini sangat perlu diberi perhatian kerana setiap nilai patriotisme ini adalah antara kemuncak tuntutan patriotisme yang perlu difahami oleh setiap warganegara (Kok, 2004). Walaupun majoriti responden mendapat skor yang tinggi bagi dimensi pengetahuan, tetapi masih terdapat segelintir responden yang kurang memahami nilai patriotisme. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan, kepercayaan dan penerimaan terhadap objek atau identiti negara dalam diri mereka sebagai identiti negara Malaysia.

**Jadual 3** Tahap pengetahuan bagi setiap nilai patriotisme masyarakat di Sabah

Nilai	Skor Pengetahuan		
	Tinggi	Sederhana	Rendah
Kebanggaan	224 (44.8%)	211 (42.2%)	65 (13.0%)
Kekitaan	218 (43.6%)	243 (48.6%)	39 (7.8%)
Berdisiplin	300 (60.0%)	166 (33.2%)	34 (6.8%)
Berusaha & Produktif	358 (71.6%)	107 (21.4%)	35 (7.0%)
Kesetiaan	277 (55.4%)	170 (34.0%)	53 (10.6%)
Pengorbanan	176 (35.2%)	221 (44.2%)	103 (20.6%)

### Tahap Pengamalan Nilai Patriotisme

Jadual 4 menunjukkan majoriti pengamalan nilai patriotisme responden berada pada tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 50.2 peratus. 49.8 peratus responden yang terpilih pula mempunyai tahap pengamalan yang sederhana. Keadaan ini telah membuktikan bahawa masyarakat di Sabah adalah masyarakat yang patriotik. Walaupun mereka terpalit dengan beberapa isu yang memperlihatkan tidak patriotik kerana bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia kemungkinan isu yang dikatakan tidak patriotik hanya dimainkan oleh segelintir mereka yang tidak bertanggungjawab dan bukan mewakili suara majoriti masyarakat Sabah. Oleh itu, dapatan ini secara tidak langsung telah memperkukuhkan lagi keadaan sebenar masyarakat Sabah. Malah, dapatan ini juga secara tidak langsung dapat menjawab polemik yang berkaitan dengan isu Sabah Sarawak keluar daripada Malaysia (SKMM) yang dibangkitkan oleh segelintir kumpulan yang menzahirkan ketidakpuasan hati mereka sepertimana yang dibangkitkan oleh Mohammad Saiful dan Anantha Raman (2018). Hal ini demikian kerana dapatan ini boleh menjelaskan bahawa majoriti masyarakat di Sabah masih beridentiti Malaysia secara umum dan tidak hanya beridentitikan negeri Sabah semata-mata. Walau bagaimanapun, tahap pengamalan yang diperoleh ini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan dan berpuas hati. Hal ini demikian kerana usaha berterusan untuk meningkatkan lagi tahap pengamalan patriotisme belia Sabah harus dilakukan oleh pihak kerajaan dari pelbagai agensi, terutamanya yang berfungsi memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara.

Domain pengamalan ini digunakan untuk mengukur tingkah laku yang diterjemahkan selepas proses orientasi berlaku. Pengamalan ini ialah kemuncak tindakan yang digunakan dalam menentukan sama ada setiap responden konsisten bertingkah laku, sepertimana dimensi orientasi yang terdapat dalam diri mereka atau sebaliknya. Hal ini disebabkan dalam perbincangan orientasi politik, seseorang individu akan bertingkah laku sepertimana dimensi orientasi dalam diri mereka (Almond, 1956; Almond & Verba, 1989). Oleh itu, perkaitan antara pengetahuan dan pengamalan diuji bagi menentukan sama ada dapatan kajian ini konsisten dengan andaian awal perbincangan teori berkenaan orientasi politik atau sebaliknya.

**Jadual 4** Tahap pengamalan nilai patriotisme masyarakat di Sabah

<b>Tahap</b>	<b>(n)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Tinggi	251	50.2
Sederhana	249	49.8
Rendah	0	0.0
Jumlah	500	100.0

## **KESIMPULAN**

Walaupun dapatan kajian ini mendapati majoriti responden berpengetahuan dan mengamalkan nilai patriotisme tetapi masih ramai yang kurang menjadikan nilai patriotisme sebagai suatu amalan hidup. Rentetan daripada hasil kajian ini memperlihatkan usaha Malaysia membina bangsa Malaysia menjelang tahun 2020 masih terlalu jauh. Jurang antara patriotisme belia di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak masih melebar dan perlu dibaiki serta diberikan perhatian oleh pelbagai pihak. Membina ikatan setiap warganegara terhadap Malaysia lebih diutamakan melebihi ikatan mereka hanya kepada negeri dan etnik masing-masing. Sejarah telah memperlihatkan masa dan usaha yang diambil dalam pembentukan Malaysia sebagai negara yang berdaulat bukanlah suatu hal yang mudah dan ia seharusnya dipertahankan. Sudah sampai masanya setiap warganegara perlu menanam perasaan cinta yang didukung oleh enam nilai merentasi batas negeri, etnik dan agama.

Patriotisme yang positif dalam konteks Malaysia bukan semata-mata melahirkan masyarakat yang tunduk dan patuh kepada segala tindakan yang dilakukan oleh negara sahaja atau mengkritik sewenang-wenangnya tindakan kerajaan. Sebaliknya, dengan mendukung enam nilai yang diutarakan oleh penulis dalam kajian ini mampu mengukur tanggungjawab bersama antara masyarakat yang diperintah dengan golongan mereka yang memerintah. Pencabulan dan pelanggaran terhadap prinsip Perlembagaan Persekutuan dan ideologi Rukun Negara perlu ditolak secara tegas walaupun ada sebahagian mereka yang tidak bertanggungjawab mengaku ia sebagai suatu bentuk patriotisme.

Selain itu, penghayatan dan pemahaman terhadap prinsip Rukun Negara perlu terpatuh dalam diri bagi memastikan Rukun Negara yang dibina dapat didukung oleh semua pihak dan seterusnya meningkatkan tahap patriotisme dalam kalangan rakyat itu sendiri. Pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan juga perlu bekerjasama memainkan peranan melalui penganjuran aktiviti berbentuk patriotik dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya mendukung semangat cintakan negara, sekali gus dapat membina negara bangsa yang disegani dan dihormati oleh seantero dunia.

Sesebuah negara bangsa tidak akan berdiri dengan sendirinya, tetapi akan berjaya sekiranya semua pihak dapat memahami, menghayati dan menghormati prinsip Perlembagaan serta tidak sesekali mempersoalkan dan mengingkari prinsip Rukun Negara yang telah sekian lama diterima pakai di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ahmad Shah Pakeer Mohamed. (2013). Patriotisme belia ke arah perpaduan dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara*, 1, 5–20.
- Almond, G. A. (1956). Comparative political systems. *The Journal of Politics*, 18(3), 391–409.
- Almond, G. A., & Verba, S. (1989). *The civic culture: Political attitudes and democracy in five nations*. California: SAGE Publications, Inc.



- Aziz Ujang, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran generasi muda terhadap patriotisme dan perpaduan nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2 (2), 31–39.
- Berns, W. (1997). On patriotism. *The Public Interest*, 127, 19–32.
- Curti, M. (1946). *The roots of American loyalty*. London: Columbia University Press.
- Daimond, L. J. (1993). Introduction: Political culture and democracy. Dlm. Daimond L. J., (pnyt.). *Political Culture and Democracy in Developing Countries*. Boulder, Colo: Lynne Rienner Publishers.
- Doob, L. W. (1964). *Patriotism and Nationalism: Their Psychological Foundations*. London: Yale University Press.
- Druckman, D. (1994). Nationalism, patriotism, and group loyalty: A social psychological perspective. *Mershon International Studies Review*, 38(1), 43–68.
- Emby, Zahid (2003) Neighbourliness and community: A study of changing social relationship patterns in a Malay rice growing village. *Pertanika: Journal of Social Sciences & Humanities*, 11(2), 157-163.
- Haminah Suhaibo. (2007). *Pemupukan patriotisme dalam pendidikan sejarah tingkatan satu*. Universiti Malaya.
- Hand, M. (2011). Patriotism in Schools. *Philosophy of education society of Great Britain (IMPACT)*, (19), 1–40.
- Hasnah Hussiin, Jamal Rizal Razali, Mohd Azam Mouhd Akhir & Imaduddin Abidin. (2009). Tahap kesedaran pelajar terhadap aspek-aspek kenegaraan: Kajian kes di UMP. Dlm. Hasnah Hussiin (pnyt.), *Artikel kenegaraan dan hubungan etnik*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Huntington, S. P. (2008). *Siapa kita? Cabaran identiti nasional Amerika*. (Terjemahan oleh Azman Ayub, Ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Keller, S. (2007). How patriots think, and why it matters. Dlm. Igor Primoratz & Aleksander Pavkovic (pnyt.), *Patriotism Philosophical and political perspectives*. Aldershot: Ashgate.
- Khoo Kay Kim. (2005). Patriotisme di Malaysia. Dlm. Mustafa Ishak, Izani Zain & Rohana Yusof (pnyt.), *Prosiding kongres patriotisme negara*. Putrajaya: BTN & Universiti Utara Malaysia.
- Kok, C. T. (2004). *Justice without borders cosmopolitanism, nationalism and patriotism*. New York: Cambridge University Press.
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2007). *Patriotisme di kalangan generasi muda Malaysia: Kajian kes ke atas mahasiswa bukan Melayu di institusi pengajian tinggi*. Universiti Malaya.
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2014). Polemik konotasi patriotisme. Dlm. Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Muhamed Nor Azman Nordin (pnyt.). *Isu-isu ketahanan nasional Malaysia*. Kuala Lumpur: ITBM & Universiti Utara Malaysia.

- Lee Kuok Tiung. (2016). Dinamik persoalan patriotisme masa kini - ke mana arah hendak tuju? Dlm. Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.). *Patriotisme Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lee, Y. F. (2009). Memahami proses membina bangsa Malaysia: Satu perspektif sosiologi. Dlm. Azrina Husin, Azeem, Chua Soo Yean, P. Sivamurugan & Abdul Rahim Ibrahim (pnyt.), *Membina Bangsa Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional & Universiti Sains Malaysia.
- Macedo. S. (2011). Just patriotism? *Philosophy & Social Criticism*, 37(4), 413–423.
- Merle Curti. (1946). *The roots of American loyalty*. London: Columbia University Press.
- Mohammad Agus Yusof. (2002). Politik federalisme di Malaysia: Pengalaman Sabah. *Journal of Southeast Asian Studies (JATI)*, 7, 1–20.
- Mohammad Saiful Sinring & Anantha Raman Govindasamy (2018). Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM): Hala-tuju selepas PRU-14. *Jurnal Kinabalu*, Keluaran Khas PRU14, 411-435
- Mohd Hairul Anuar Razak. (2011). *Pengetahuan, persepsi dan pemahaman terhadap penghayatan patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan pelatih program latihan khidmat negara di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Syarifudin Abdullah. (2005). Patriotisme alaf baru: Dari semangat kepada khidmat. Dlm. Hussain Mohamad (pnyt.), *Belia & Patriotisme Malaysia*. Melaka: IKSEP.
- Mohd Taib Osman. (2004). *Globalisasi, patriotisme dan isu-isu kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohmad Noor Mohamad Taib. (2006). *Kesan pengajaran terus nilai dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi penerapan patriotisme*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Muller. J. W. (2006). On the origins of constitutional patriotism. *Contemporary Political Theory*, 5, 278–296.
- Muller. J. W. (2007). *Constitutional patriotism*. NY: Princeton University Press.
- Nathanson, S. (1989). In defense of moderate patriotism. *Ethics*, 99(3), 535–552.
- Nathanson, S. (1993). *Patriotism, morality, and peace*. Lanham: Rowman & Littlefield.
- Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2004). Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia. Dlm. *Seminar antarabangsa nilai dalam komuniti pasca modenisme (SIVIC 2004)*. Langkawi.
- Nidzam Sulaiman, Katini Aboo Talib @ Khalis & Suzanna M. Isa. (2017). *Tuntutan Sabah dan Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) Dalam media massa: Satu kajian eksplorasi*. Bangi: UKM.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2010). 1Semangat patriotisme menjana konsep 1Malaysia: Realiti atau fantasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 77–92.

- Parsons, T., & Shils, E. A. (1951). Categories of the orientation and organization of action. Dlm. E. A. S. Talcott Parsons (pnyt.). *Toward a general theory of action*. Cambridge: Harvard University.
- Primoratz, I & Aleksandar Pavkovic. (2007). Introduction. Dlm. Igor Primoratz and Aleksandar Pavkovic (pnyt.), *Patriotism philosophical and political perspectives*. Aldershot: Ashgate.
- Ramli Dollah, Mordin Sakke, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar, & Adi Jafar. (2018). Peranan belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian kes di P.188 Silam. *Jurnal Kinabalu*, Keluaran Khas PRU14, 319–349.
- Rashidah Mamat. (2014). Sense of belonging to the country: Assessing patriotism, loyalty. Dlm. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR*. Kota Kinabalu: UMS
- Rosin Pinggaton@Panggaton. (2006). *Kajian Tentang hubungan antara kefahaman patriotisme dengan persepsi amalan patriotisme di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Marudu, Sabah*. Thesis Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah.
- Ross, M. H. (2009). Culture in Comparative political analysis. Dlm. Mark Irving Lichbach & Alan S. Zuckerman (pnyt.), *Comparative politics rationality, culture, and structure*. New York: Cambridge University Press.
- Ruslan Zainudin, Mohd. Mahadee & Zaini Othman. (2005). *Kenegaraan Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Saiful Sinring, M., & Govindasamy, A. R. (2018). Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM): Hala Tuju Selepas PRU-14. *Jurnal Kinabalu, Keluaran Khas Pilihanraya*, 411–435.
- Sarjit S. Gill, A. T. Talib & Mohd Rahimi Ramli. (2016). Nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat multi-etnik di Sabah. Dlm. Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.), *Patriotisme Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sarjit S. Gill, Jayum Anak Jawan, Ahmad Tarmizi Talib, Arif Aris Mundayat & Mohd Rahimi Ramli. (2014). *Laporan kajian pemahaman, kesedaran patriotisme dan cabarannya dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia*. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Putrajaya.
- Sivamurugan Pandian & Ronald Kiandee. (2016). Patriotisme di Malaysia: Pertahanan menyeluruh sebagai psikik kenegaraan. Dlm. Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.) *Patriotisme Malaysia sejarah, isu dan cabaran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tuan Pah Rokiah, Shamsul Anuar Nasarah & Zaheruddin Othman. (2016). Pembinaan bangsa Malaysia (1): Kajian empirikal tahap patriotisme belia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 159–170.

- Wan Hasni Wan Ahmad, Raja Adila Ismail, Wan Ahmad Abd Hakim Wan Dagang, Raja Zaid Raja Kadir & Ghzali Ismail. (2013). Amalan Patriotisme melalui unsur-unsur sejarah tanahair dalam pendidikan pra-sekolah. Dlm. *International Conference on Early Childhood Education, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan*.
- Wang, J., & Jia, S. (2015). The contemporary value of patriotism. *Advances in Applied Sociology*, 5, 161–166.
- Welch, S. (2013). *The theory of political culture*. London: Oxford University Press
- Zaini Othman, K. M., & I. A. (2010). *Nasionalisme, etnisiti dan komuniti sempadan negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.